

10/09/2001

Panel pelaburan mampu pulih imej Tabung Haji

Karim Sulaiman

PANEL Pelaburan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang diwujudkan semula baru-baru ini mempunyai tugas berat untuk mengembalikan kedudukan Tabung Haji yang `tercemar' berikutan beberapa masalah yang melanda agensi itu.

Di sebalik pelaburan Tabung Haji dikatakan tidak sebegitu teruk, namun penubuhan semula jawatankuasa itu atas arahan Perdana Menteri akhir bulan lalu, menunjukkan ada masalah dalam pelaburan agensi berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan orang yang lebih profesional dilantik menganggotai panel itu serta menukar strategi bagi memastikan ia lebih berkesan.

Berikutan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, mengumumkan pelantikan Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail, sebagai Pengerusi Panel Pelaburan Tabung Haji berkuat kuasa 1 September lalu, sementara ahli profesional yang bakal menganggotai panel itu akan diumumkan tidak lama lagi.

Masalah dalam pelaburan Tabung Haji mula didedahkan Februari lalu selepas agensi itu hanya mampu memberi bonus 5.5 peratus pada 2000, iaitu yang terendah dalam tempoh lapan tahun, dengan alasan pelaburan kelapa sawitnya mengalami kejatuhan harga teruk.

Berikutan itu, pelbagai pihak meminta Tabung Haji mengkaji semula pelaburannya bagi mengelak masalah lebih teruk.

Tabung Haji membuat banyak pelaburan jangka pendek dan panjang dalam sektor perindustrian, perkhidmatan, peladangan dan hartanah sama ada oleh Tabung Haji sendiri atau anak syarikatnya.

Sehingga 1999, Tabung Haji mempunyai 13 anak syarikat, termasuk enam dalam sektor peladangan, iaitu TH Plantation Sdn Bhd; TH Indopalms; Ladang Tabung Haji (Sabah & Sarawak) Sdn Bhd; Ladang TH (Estates Holdings) Sdn Bhd; TH Agro Sdn Bhd dan Ladang Sawit Bintulu Sdn Bhd.

Anak syarikat lain ialah TH Travel Industries Sdn Bhd (perusahaan pengangkutan dan pelancongan); TH Properties Sdn Bhd (hartanah); TH Universal Builders Sdn Bhd (urus binaan); TH Global Services Sdn Bhd (perkhidmatan penyelenggaraan bangunan, kawalan keselamatan, pencucian dan katering); TH Computer Recovery & Services Sdn Bhd (perkhidmatan perlindungan bencana komputer); TH Technologies Sdn Bhd (infrastruktur berteknologi tinggi) dan TH NSTC (pembangunan hartanah).

Antara pelaburan yang perlu dikaji semula ialah projek tanaman kelapa sawit di Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia.

Tabung Haji menandatangani perjanjian usaha sama dengan syarikat Indonesia, PT Multigambut, pada 1995 bagi memajukan tanah seluas 83,622 hektar dengan tanaman kelapa sawit berserta kilang di kawasan itu.

Bagaimanapun, kos tanah di republik itu dikatakan lebih tinggi daripada kos menanam kelapa sawit di Sarawak. Difahamkan Tabung Haji membayar RM126 juta untuk tanah itu.

Bekas Pengerusi dan Pengarah Besar Tabung Haji, Tan Sri Hanafiah Ahmad, yang mula membangkitkan kepincangan dalam Tabung Haji secara terbuka, berkata Tabung Haji perlu mengkaji semula pelaburannya bagi mengelak masalah berterusan.

Beliau yang berkhidmat hampir 20 tahun dengan Tabung Haji berkata, masalah itu berlaku kerana keputusan tidak tepat dan telus dalam membuat pelaburan, terutama membabitkan projek besar.

Katanya, sebab utama perkara itu berlaku kerana ketiadaan badan bebas

untuk mengawasi, mengawal dan memantau setiap pelaburan Tabung Haji.

Beliau berkata, ketiadaan badan seperti itu menyebabkan ada keputusan dalam menentukan pelaburan dibuat secara ad-hoc dan tidak profesional.

Melihat kepada struktur pelaburan Tabung Haji sekarang pula, agensi itu mempunyai Jabatan Pelaburan Tabung Haji yang bertanggungjawab kepada semua urusan pelaburan dalam sektor ekonomi yang diluluskan syariah untuk memperoleh keuntungan maksimum.

Tumpuan utama yang diberikan jabatan itu adalah terhadap langkah mempelbagai dan mengukuhkan kegiatan pelaburan bagi meningkatkan keuntungan serta berusaha ke arah pengemblengan dana ummah. Di samping itu, ia bertujuan meningkatkan usaha ke arah pengeluaran barang dan kemudahan yang boleh dimanfaatkan orang ramai.

Pelaburan akan terus diberikan kepada syarikat berdaya maju dan berpengurusan cekap.

Jabatan ini sentiasa berusaha mengenal pasti sektor industri berpotensi tinggi yang mampu berkembang supaya dapat menjamin serta memastikan kejayaan pelaburannya.

Bertepatan dengan objektif penubuhannya untuk menyediakan peluang pelaburan bagi umat Islam dengan lebih aktif dalam kegiatan ekonomi, Tabung Haji menyertai bidang pelaburan berpotensi dan meyakinkan seperti perindustrian, peladangan, perdagangan, perkhidmatan dan pemilikan hartanah.

Fungsi dan kegiatan pelaburan Tabung Haji dirujuk kepada dua jawatankuasa yang ditubuhkan Lembaga Pengarah Tabung Haji, iaitu Jawatankuasa Kajian Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Dana.

Tabung Haji juga mempunyai Majlis Penasihat Pelaburan yang menasihat dan mengawasi setiap pelaburan yang dijalankan Tabung Haji.

Ini bermakna pada masa ini, Tabung Haji memang mempunyai badan yang menjadi rujukan kepada setiap pelaburan yang dijalankan. Bagaimanapun, difahamkan fungsi dan bidang kuasa jawatankuasa itu terhad dan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah.

Majlis dan jawatankuasa itu tidak mempunyai kuasa penuh dalam menentukan setiap pelaburan Tabung Haji, sebaliknya bertindak sebagai penasihat. Ini bermakna majlis atau jawatankuasa itu tidak bebas dalam membuat keputusannya, walaupun kadang-kala keputusan mereka tepat dan profesional.

Oleh itu, penubuhan semula Panel Pelaburan Tabung Haji adalah tepat bagi menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan pelaburan agensi itu. Sebenarnya, Panel Pelaburan Tabung Haji pernah diwujudkan mengikut Akta Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) 1969 dan dimansuhkan dengan wujudnya Akta Tabung Haji 1995.

Mengikut Akta LUTH 1969, panel pelaburan atau dikenali sebagai Jawatankuasa Panel Pelaburan mempunyai bidang kuasa dalam memutuskan sama ada sesuatu pelaburan itu sesuai dijalankan atau tidak.

Panel ini, yang dianggotai tokoh dan profesional disegani, mempunyai kuasa tinggi dan tersendiri, melebihi kuasa Lembaga Pengarah Tabung Haji dalam membuat keputusan mengenai pelaburan kerana pelantikan ahlinya dilakukan Perdana Menteri.

Pada masa itu, setiap sen wang yang hendak dibelanja atau dilaburkan Tabung Haji perlu mendapat persetujuan panel berkenaan.

Oleh itu, diharapkan panel pelaburan yang ditubuhkan semula itu juga perlu diberikan kuasa sama, walaupun cara pembentukannya kali ini berbeza daripada sebelumnya.

Ini disebabkan penubuhan panel itu, pelantikan ahli serta bidang kuasanya pada masa itu dibuat melalui peraturan undang-undang. Dalam Akta Tabung Haji 1995 pula tidak termaktub perkara itu.

Panel itu perlu bebas dan tidak terikat dengan arahan Lembaga Pengarah atau menteri.

Dengan adanya struktur itu, Lembaga Pengarah tidak boleh bertindak sesuka hati dalam membuat pelaburan kerana tindak-tanduk mereka diawasi dan dipantau panel pelaburan.

Panel itu yang dianggotai profesional tidak sepatutnya hanya menjadi penasihat, sebaliknya memutus, melulus, memantau, mengawal dan menyelia setiap pelaburan yang bakal dibuat Tabung Haji.

Selain itu, panel berkenaan perlu mengkaji semula pelaburan lalu dan yang sudah diluluskan dalam penyusunan semula pelaburan Tabung Haji.

Penubuhan panel itu diharap dapat menyelamatkan Tabung Haji daripada terus dilanda masalah berikutan kepincangan dalam pelaburannya.

(END)